



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK
Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya
30020 Ipoh
PERAK DARUL RIDZUAN

605-529 7444
<http://www.bomba.gov.my>
pgrsn_prk@bomba.gov.my



Ruj. Kami : JBPM/PK/CSM:500-4/7/5 (9)
Tarikh : 29 Mei 2024

Pejabat Pengarah
Semua Penolong Pengarah Bahagian
Semua Ketua Zon
Semua Ketua Balai

Tuan,

PEMATUHAN KEPADA PELAKSANAAN TUNTUTAN BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT, BANTUAN BAYARAN PAKAIAN BLACK TIE DAN BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI SELARAS DENGAN PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA – KEMUDAHAN PAKAIAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM – CERAIAN SR.1.2.2

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Ibu Pejabat No. Ruj. JBPM/IP/CSM:500-74/7/5 Jld.12 (1) bertarikh 06 Disember 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan, Bahagian Pengurusan Ibu Pejabat JBPM telah menerima banyak permohonan bagi tuntutan Pakaian Istiadat yang tidak mematuhi syarat serta kelayakan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (myPPSM) – Kemudahan Pakaian Dalam Perkhidmatan Awam- Ceraian SR.1.2.2.

3. Melalui Ceraian tersebut, kelayakan yang diperuntukan bagi tujuan tuntutan kemudahan pakaian adalah seperti berikut:

3.1 **Pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai Pakaian Istiadat** layak diberi Bayaran Pakaian Istiadat dan boleh memilih untuk menggantikan dengan **Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi**;

'CEPAT DAN MESRA'



SIRIM

ACBQMS01

SIRIM

ACBABMS01

CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016

- 3.2 **Pegawai Perkhidmatan Awam yang tidak mempunyai Pakaian Istiadat** dan dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk **menerima bintang atau pingat** dalam majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri **layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi** termasuk pasangan pegawai yang turut sama hadir dalam majlis tersebut;
- 3.3 **Pegawai Perkhidmatan Awam Gred 41 dan ke atas dan Kumpulan Pelaksana Gred 29 hingga 40** yang diarah bertugas Parlimen atau Dewan Undangan Negeri sebagai Petugas Harian layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi; dan
- 3.4 **Pegawai Perkhidmatan Awam yang dikehendaki memakai Pakaian Istiadat** semasa menghadiri upacara rasmi layak diberi **Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie***.

4. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan permohonan tuntutan kemudahan pakaian ini adalah teratur, maka dimohon semua permohonan perlu dikemukakan ke Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat JBPM Negeri Perak untuk kelulusan Ibu Pejabat JBPM selewat-lewatnya tiga (3) bulan dari tarikh kemudahan digunakan dengan disertakan dokumen sokongan yang lengkap iaitu:

- 4.1 Borang permohonan lengkap diisi dengan Pengesahan dari Pengurusan Sumber Manusia Ibu Pejabat Negeri Perak;
- 4.2 Surat jemputan menghadiri upacara rasmi atau surat arahan bertugas;
- 4.3 Resit pembelian; dan
- 4.4 Gambar lengkap semasa majlis (pemakaian pakaian bagi tuntutan bayaran yang dibuat).

5. Selaras dengan itu, adalah diingatkan semua mematuhi kelayakan serta syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Ceraian SR.1.2.2. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (myPPSM) – Kemudahan Pakaian Dalam Perkhidmatan Awam.

Segala kerjasama dan perhatian dari pihak tuan berhubung perkara ini amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON, PMP., AMK.)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Negeri Perak

:

:



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebu Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA

20/4/18
18/1/2
Telefon : 603-8892 7600
Faks : 603-8888 0025
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: sumber_manusia@bomba.gov.my



Rujukan kami : JBPM/IP/CSM:500-74/7/5 Jld. 12(1)
Tarikh : 6 Disember 2023

SENARAI SEPERTI EDARAN

YS Dato'/Tuan/Puan,

PEMATUHAN KEPADA PELAKSANAAN TUNTUTAN BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT, BANTUAN BAYARAN PAKAIAN BLACK TIE DAN BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI SELARAS DENGAN PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA – KEMUDAHAN PAKAIAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM - CERAIAN SR.1.2.2


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara seperti di atas.

2. Untuk makluman YS Dato'/Tuan/Puan, Bahagian Pengurusan Ibu Pejabat JBPM telah menerima banyak permohonan bagi tuntutan Pakaian Istiadat yang tidak mematuhi syarat serta kelayakan sebagaimana dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (myPPSM) - Kemudahan Pakaian Dalam Perkhidmatan Awam - Ceraian SR.1.2.2.

3. Melalui Ceraian ini, kelayakan yang diperuntukkan bagi tuntutan kemudahan pakaian adalah sebagaimana berikut:

- 3.1 **Pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai Pakaian Istiadat layak diberi Bayaran Pakaian Istiadat dan boleh memilih untuk menggantikan dengan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi;**
- 3.2 **Pegawai Perkhidmatan Awam yang tidak mempunyai Pakaian Istiadat dan dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi termasuk pasangan pegawai yang turut sama hadir dalam tersebut;**

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO QMS 02101



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO ABMS 00216



PEMENANG
ANUGERAH
EMAS AIGA 2022

3.3 Pegawai Perkhidmatan Awam Gred 41 dan ke atas dan Kumpulan Pelaksana Gred 29 hingga 40 yang diarah bertugas Parlimen atau Dewan Undangan Negeri sebagai Petugas Harian layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi; dan

3.4 Pegawai Perkhidmatan Awam yang dikehendaki memakai Pakaian Istiadat semasa menghadiri upacara rasmi layak diberi Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*.

4. Selanjutnya, dalam hal ini juga, bagi maksud pegawai yang mempunyai Pakaian Istiadat bagi Jabatan ini, hanya melibatkan Pegawai Gred 29 ke atas sahaja iaitu pegawai-pegawai dalam kategori Pegawai Kanan Bomba sebagaimana dinyatakan di dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) tafsiran:

"Pegawai Kanan Bomba" ertinya seorang Pegawai Bomba daripada apa-apa pangkat dari dan termasuk Ketua Pengarah ke bawah hingga dan termasuk Penolong Penguasa Bomba;

5. Untuk makluman YS Dato'/Tuan/Puan, Ceraian ini juga menyatakan kadar bagi Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Menghadiri Upacara Rasmi adalah seperti berikut:

Bil.	Kemudahan	Jenis Pakaian	Kadar (RM)
1.	Bayaran Pakaian Istiadat	Pakaian Siang dan Pakaian Malam (Mess Kit)	3,500.00
2.	Bantuan Bayaran Pakaian <i>Black Tie</i>	Pakaian separa rasmi barat	1,000.00
3.	Bayaran Menghadiri Upacara Rasmi	<i>Lounge Suit</i> / Pakaian Kebangsaan	650.00 (pegawai)
			450.00 (pasangan)

6. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan permohonan tuntutan kemudahan pakaian ini adalah teratur, semua permohonan perlu dikemukakan ke Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat JBPM untuk kelulusan selewat-lewatnya tiga (3) bulan dari tarikh kemudahan digunakan dengan disertakan dokumen sokongan berikut:

- 6.1 Borang permohonan lengkap diisi dengan Pengesahan dari Pengurusan Sumber Manusia Negeri/ Akademi;
- 6.2 Surat jemputan menghadiri upacara rasmi atau surat arahan bertugas;
- 6.3 Resit pembelian; dan
- 6.4 Gambar lengkap semasa majlis (pemakaian pakaian bagi tuntutan bayaran yang dibuat).

7. Selaras dengan ketetapan ini juga, YS Dato'/Tuan/Puan adalah diingatkan untuk mematuhi kelayakan serta syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Ceraian SR.1.2.2, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (myPPSM) - Kemudahan Pakaian Dalam Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' Ir. Ts. AHMAD IZRAM BIN OSMAN)
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k.:

- i. YAS KP
- ii. YAS TKP (O)
- iii. Pengarah Bahagian Pengurusan

SENARAI EDARAN

JBPM Ibu Pejabat

YS Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
YS Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
YS Pengarah Bahagian Latihan
YS Pengarah Bahagian Udara
YS Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
YS Pengarah Bahagian Pembangunan
YS Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera
Pengarah Bahagian Pengurusan
Ketua Unit Integriti

JBPM Negeri-Negeri

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan

Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia

Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah
Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur
Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Utara
Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak
Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah



**PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT, BANTUAN BAYARAN
PAKAIAN *BLACK TIE* DAN BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI
(MyPPSM Ceraian SR.1.2.2)**

(Kemudahan bayaran pakaian ini diberi setiap tiga (3) tahun sekali)

A. MAKLUMAT PEMOHON

- 1) Nama Pemohon : _____
2) No. Kad Pengenalan : _____
3) Jawatan : _____
4) Gred : _____
(mengikut skim perkhidmatan, sekiranya sedang memangku, sila nyatakan gred pemangkuan)
5) Bahagian/ Unit : _____
6) Tujuan Permohonan : _____

(Sertakan resit **ASAL** yang disahkan perbelanjaan adalah di atas urusan rasmi dan sesalinan jemputan ke majlis/ upacara rasmi atau surat arahan bertugas di Parlimen atau Dewan Undangan Negara)

- 7) Pernah dibayar kemudahan ini dalam (3) tahun :

7.1 Bayaran Pakaian Istiadat/ Rasmi (diri sendiri/ pasangan)*

Ya

☐

Tidak

☐

Jika pernah, sila nyatakan tarikh terakhir kemudahan diluluskan : _____

7.2 Bayaran *Black Tie*

Ya

☐

Tidak

☐

Jika pernah, sila nyatakan tarikh terakhir kemudahan diluluskan : _____

(Pegawai yang telah diberi Bayaran Pakaian Istiadat tidak layak menuntut Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi dalam tempoh tiga (3) tahun yang sama)

- 8) Jumlah Tuntutan : Sendiri : **RM** _____
Pasangan : **RM** _____

Saya mengaku bahawa butir-butir permohonan di atas adalah benar dan teratur.

(Tandatangan Pemohon)

Tarikh : _____

B. PERAKUAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (IBU PEJABAT/ NEGERI)

Disahkan bahawa pegawai ini **PERNAH/ TIDAK PERNAH*** mendapat kemudahan tuntutan kemudahan bayaran balik Pakaian tersebut sejak tiga (3) tahun belakangan.

Tarikh terakhir pegawai mendapat kemudahan ini adalah pada : _____

Pegawai ini **LAYAK/ TIDAK LAYAK*** dibayar sebanyak :

Bayaran Pakaian Istiadat : RM _____

Bantuan Bayaran *Black Tie* : RM _____

Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi untuk pegawai : RM _____

Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi untuk pasangan : RM _____

JUMLAH : RM _____

.....
(Urusetia Ibu Pejabat/ Negeri)

Nama :

Tarikh :

Cop Rasmi :

Jawatan :

C. KELULUSAN IBU PEJABAT: TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

Permohonan Tuntutan Bayaran Balik Pakaian ini adalah ***DILULUSKAN/ TIDAK DILULUSKAN**

☐

Pakaian Istiadat

☐

Pakaian *Black Tie*

☐

Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi Pegawai / Pasangan

Ulasan : _____

Tandatangan : _____ Cop Rasmi Jawatan :

Tarikh :

**Potong mana yang tidak berkenaan*



**BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT, BANTUAN BAYARAN PAKAIAN
BLACK TIE DAN BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI**

TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan untuk menetapkan kemudahan Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi (BPMUR) kepada Pegawai Perkhidmatan Awam adalah diperuntukan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 tahun 2007 serta Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 tahun 2008.

TAFSIRAN

3. “**Pakaian Istiadat**” ertinya pakaian upacara rasmi yang direka bentuk khas untuk sesuatu perkhidmatan.
4. “**Pakaian *Black Tie***” ertinya pakaian separa rasmi barat yang dipakai untuk majlis makan malam. Komponen Pakaian *Black Tie* kepada pegawai wanita adalah baju kurung/kebaya beserta selendang atau pakaian petang (*evening dress*) termasuk beg tangan dan kasut.
5. “**Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi**” ertinya Pakaian Kebangsaan atau *Dark Lounge Suit* bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/Negeri atau bertugas rasmi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.
6. “**Pasangan pegawai**” bagi maksud menghadiri upacara rasmi adalah merujuk kepada suami atau isteri pegawai.



PELAKSANAAN

Kelayakan

7. Pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai Pakaian Istiadat layak diberi Bayaran Pakaian Istiadat dan boleh memilih untuk menggantikannya dengan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
8. Pegawai Perkhidmatan Awam yang tidak mempunyai Pakaian Istiadat dan dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
9. Pasangan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang turut hadir dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
10. Pegawai Perkhidmatan Awam Gred 41 dan ke atas dan Kumpulan Pelaksana Gred 29 hingga 40 yang diarah bertugas di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri sebagai Petugas Harian layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
11. Pegawai Perkhidmatan Awam yang dikehendaki memakai Pakaian Istiadat semasa menghadiri upacara rasmi layak diberi Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*.

Kadar Bantuan Bayaran Pakaian

12. Kadar bagi Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi adalah seperti berikut:

Bil.	Kemudahan	Jenis Pakaian	Kadar (RM)
1.	Bayaran Pakaian Istiadat	Pakaian Siang dan Pakaian Malam (Mess Kit)	3,500.00
2.	Bantuan Bayaran Pakaian <i>Black Tie</i>	Pakaian separa rasmi barat	1,000.00
3.	Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	<i>Lounge Suit</i> / Pakaian Kebangsaan	650.00 (pegawai)
			450.00 (pasangan)



SR.1.2.2

13. Kadar ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023. Pegawai yang telah membuat tuntutan sebelum tarikh kuat kuasa ini adalah tertakluk kepada kadar dan syarat terdahulu.

Syarat-Syarat Umum

14. Kemudahan ini adalah tertakluk kepada syarat umum seperti berikut:

- a) kemudahan diberi setiap tiga (3) tahun sekali;
- b) tuntutan bayaran balik hendaklah disokong dengan resit dan maklumat mengenai jemputan ke upacara rasmi yang berkaitan atau surat arahan bertugas di Parlimen/ Dewan Undangan Negeri; dan
- c) penggunaan kemudahan ini hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai.

Syarat-Syarat Khusus

15. Pakaian Istiadat

- a) pakaian siang dan pakaian malam boleh dituntut bersekali atau berasingan dalam tempoh 3 tahun;
- b) pegawai yang telah diberi Bayaran Pakaian Istiadat tidak layak menuntut Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi dalam tempoh tiga (3) tahun yang sama; dan
- c) tempoh tiga (3) tahun dikira daripada tarikh tuntutan yang pertama sama ada pakaian siang atau pakaian malam.

16. Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi

Kemudahan ini diperuntukkan kepada:

- a) Pegawai Perkhidmatan Awam yang hadir sebagai Penerima Pingat/ Bintang Darjah Kebesaran di peringkat Persekutuan atau Negeri;
- b) Pegawai Perkhidmatan Awam Gred 29 dan ke atas yang dikehendaki hadir bertugas sebagai Petugas Harian di Parlimen atau Dewan Undang Negeri;
- c) pegawai yang menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/ Negeri dan membawa



SR.1.2.2

pasangan bukan Pegawai Perkhidmatan Awam, tuntutan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi bagi pasangannya hendaklah dikemukakan kepada Jabatan pegawai. Bagi pasangan yang merupakan Pegawai Perkhidmatan Awam tuntutan perlu dikemukakan kepada Jabatan masing-masing; dan

- d) tempoh 3 tahun dikira daripada tarikh tuntutan yang pertama sama ada bagi pegawai ataupun pasangan.

PEMBATALAN

17. Dengan berkuatkuasanya Ceraian ini, Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan seperti di bawah adalah **dibatalkan**.

- a) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007: Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi;
- b) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007: Penjelasan Mengenai Pelaksanaan Pemberian Kemudahan Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* Dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi; dan
- c) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2008: Pemanjangan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi Kepada Pegawai Dalam Kumpulan Sokongan Yang Diarah Bertugas Di Parlimen Atau Dewan Undangan Negeri.

PEMAKAIAN

18. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN
AWAM JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA